

Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang beralamat di NEGERI SELANGOR sahaja, yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred G2, Kategori B Pengkhususan B24 (KEBENARAN KHAS TIDAK DIBENARKAN) , Sijil Taraf Bumiputera, Sijil Pematuhan Cukai (TCC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang masih sah, dan berdaftar dengan UPEN.

Borang sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Jurutera Daerah, JKR Sepang, tidak lewat daripada :

12:00 tengah hari pada tarikh 23 JULAI 2026



JABATAN KERJA RAYA DAERAH SEPANG

DOKUMEN MEJA TAWARAN

UNTUK

KERJA-KERJA MEROBOH DAN MENGOSONGKAN BINAAN DALAMAN PEJABAT JKDM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI ARAS 5 DAN 6, MENARA SKYTECH 1, MKN EMBASSY TECHZONE CYBERJAYA.

JKR (P). SPG. BIL. 42/2026

**PEJABAT JURUTERA DAERAH
JKR SEPANG,
KOMPLEKS KERAJAAN DAERAH SEPANG
BANDAR BARU SALAK TINGGI,
43900 SEPANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

SENARAI SEMAKAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tandakan ☒ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dari CIDB	☐	☐
2.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari BPKU (Kerja) (jika berkenaan)	☐	☐
3.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB	☐	☐
4.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sah	☐	☐
5.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan dan ditandatangani	☐	☐
6.	Ringkasan Sebut Harga dan Senarai Kuantiti yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani	☐	☐
7.	Surat Akuan Pembida – Lampiran 6	☐	☐
8.	Pematuhan Kepada Spesifikasi	☐	☐
9.	Dokumen-Dokumen Sokongan		
	a. Maklumat Latar Belakang Penyebut Harga	☐	☐
	b. Senarai Kerja Dalam Tangan	☐	☐
	c. Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan	☐	☐
	d. Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)	☐	☐
	e. Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial	☐	☐
	f. Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang Dan Buruh Paksa	☐	☐

SENARAI SEMAKAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tandakan ☒ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

10.	Senarai Kerja Dalam Tangan (Wajib Isytihar Bagi Gred G4)	☐	☐
11.	Profil Syarikat dan Senarai Kakitangan Teknikal	☐	☐
12.	Borang CA dan CA1	☐	☐
13.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir*	☐	☐
14.	Borang kehadiran lawatan tapak (sekiranya lawatan tapak diwajibkan)	☐	☐

* Bagi Sebut Harga yang bernilai melebihi RM200,000 sahaja (diwajibkan).

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada). Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

SENARAI ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA
1.0	Notis Sebut Harga
2.0	Arahan Kepada Penyebut Harga
3.0	Syarat-syarat Sebut Harga
4.0	Borang Sebut Harga
5.0	Ringkasan Sebut Harga
6.0	Spesifikasi (jika ada)
7.0	Spesifikasi Addenda (jika ada)
8.0	Maklumat Am Penyebut Harga
9.0	Senarai Kerja Dalam Tangan & Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan
10.0	Laporan Bank/Syarikat Kewangan
11.0	Surat Akuan Pembida
12.0	Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial
13.0	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa
14.0	Pelan Tapak Bina & Lukisan (jika ada)
15.0	Jadual Kadar Harga (jika berkenaan)



**JABATAN KERJA RAYA
DAERAH SEPANG**

NOTIS SEBUTHARGA

JKR (P). SPG. BIL. 42/2026

**KERJA-KERJA MEROBOH DAN MENGOSONGKAN BINAAN DALAMAN PEJABAT
JKDM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI ARAS 5 DAN 6, MENARA SKYTECH 1,
MKN EMBASSY TECHZONE CYBERJAYA.**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang beralamat di NEGERI SELANGOR sahaja, yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred G2, Kategori B Pengkhususan B24 (KEBENARAN KHAS TIDAK DIBENARKAN) , Sijil Taraf Bumiputera, Sijil Pematuhan Cukai (TCC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang masih sah, dan berdaftar dengan UPEN.
2. Penyebut Harga adalah **diwajibkan** untuk menghadiri taklimat tapak yang akan diadakan pada ketetapan berikut :
 - a. Tarikh : **16 JULAI 2026**
 - b. Masa pendaftaran : **9.00 hingga 10.00 Pagi**
 - c. Tempat : **Bilik Seminar,
JKR Daerah Sepang.**
3. Penyebut Harga yang tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Sebut Harga. Penyebutharga dikehendaki membawa dokumen ASAL seperti yang dinyatakan dalam perkara 1 di atas, kad pengenalan dan Cop Syarikat semasa hari taklimat.
Hanya penama di dalam di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.
4. Borang Sebutharga boleh diperolehi dengan melayari laman web: <http://tender.selangor.gov.my> mulai tarikh :
16/7/2026 hingga **22/7/2026**
5. Borang sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang telah berdaftar dengan SISTEM TENDER ON-LINE. Bayaran borang sebutharga berjumlah RM00.00 senaskah.
6. Dokumen Meja Sebutharga boleh disemak pada waktu penjualan berlangsung. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli dan mengemukakan satu (1) tawaran Sebutharga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.
7. Borang Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Jurutera Daerah, JKR Sepang, tidak lewat daripada :

12:00 tengah hari pada tarikh **23/7/2026**



**JABATAN KERJA RAYA
DAERAH SEPANG**

NOTIS SEBUTHARGA

JKR (P). SPG. BIL. 42/2026

**KERJA-KERJA MEROBOH DAN MENGOSONGKAN BINAAN DALAMAN PEJABAT
JKDM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI ARAS 5 DAN 6, MENARA SKYTECH 1,
MKN EMBASSY TECHZONE CYBERJAYA.**

8. Kontraktor-kontraktor yang berminat digalakkan untuk melawat tapak dan sila berhubung dengan pegawai yang berkaitan jika terdapat sebarang kekeliruan.
9. Kerajaan tidak semestinya menerima Sebutharga yang paling rendah ataupun terikat kepada sebarang Sebutharga.

(AZARUL AZLAN BIN MOHD RADHI s.m.s)

Jurutera Daerah

JKR Sepang

Tarikh : 13 JULAI 2026

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1.0 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2.0 DASAR KENAAN GST

- 2.1 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta GST 2014) telah dikuatkuasa mulai 1 April 2015. Oleh yang demikian, GST yang dikenakan akan dibayar kepada Penyebut Harga berdaftar GST.
- 2.2 Bagi tujuan Sebut Harga ini, Penyebut Harga hendaklah menawarkan harga tawaran yang tidak ditambah nilai kenaan GST. Walaubagaimanapun, sama ada Penyebut Harga berdaftar GST ataupun tidak, Penyebut Harga masih bertanggungjawab untuk mengambil kira dalam harga tawaran apa-apa kos berkaitan dengan kenaan GST yang perlu dibayar oleh Penyebut Harga kepada pihak-pihak yang membekalkan khidmat kepadanya.
- 2.3 Sekiranya Penyebut Harga berdaftar GST, Inden Kerja berdasarkan harga tawaran dengan tambahan nilai kenaan GST akan dikeluarkan kepada Penyebut Harga yang berjaya.
- 2.4 Sekiranya Penyebut Harga tidak berdaftar GST, tiada tambahan nilai kenaan GST akan dimasukkan.
- 2.5 Sekiranya Penyebut Harga berdaftar GST semasa kerja sedang berjalan, Penyebut Harga hendaklah memaklumkan status pendaftaran dan memohon pelarasan bagi tambahan kenaan GST dan menuntut sebarang kenaan GST dengan syarat kerja semasa masih berkuatkuasa bagi-baki perolehan yang belum disempurnakan.

3.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA

3.1 Penyediaan Sebut Harga

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- 3.1.1 Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- 3.1.2 Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- 3.1.3 Senarai Kerja Dalam Tangan (Wajib Isytihar Bagi Gred G4),
- 3.1.4 Senarai Pengalaman Kerja,
- 3.1.5 Jadual Kadar Harga (jika ada),
- 3.1.6 Butir-butir Spesifikasi (jika ada),
- 3.1.7 Surat Akuan Pembida,
- 3.1.8 Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial

- 3.1.9 Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa
- 3.1.10 Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk Penyata Akaun Bank yang disahkan oleh Pengurus Cawangan Bank berkenaan untuk 3 bulan yang terakhir, Deposit Tetap, baki nilai Kemudahan Kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak/akan diperolehi oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan.
(Nota: Bagi kerja melebihi RM200,000 sahaja)
- 3.1.11 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
- 3.1.12 Kegagalan mengisi/menandatangani Borang Sebut Harga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.
- 3.1.13 Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di dalam Borang Sebut Harga diberi keutamaan.
- 3.1.14 Sekiranya Dokumen Sebut Harga disediakan dalam bentuk softcopy (bentuk CD), Kontraktor hendaklah mengemukakan Dokumen Sebut Harga dalam bentuk softcopy dan hardcopy. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat dalam softcopy dan hardcopy, Dokumen Sebut Harga dalam hardcopy hendaklah digunakan.
- 3.1.15 Sekiranya Penyebut Harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, Sebut Harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.
- 3.1.16 Penyebut Harga dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama Sebut Harganya **(Wajib disertakan bagi sebut harga bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM3,000,000.00 bagi sebutharga Gred G2, G3 & G4)**:
- i. Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan** ATAU;
 - ii. Laporan ASAL bank/institusi kewangan mengenai kemudahan kredit petender, atas format seperti di Borang CA yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan,
 - iii. Salinan Penyata Kewangan Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (certified true copy) oleh Juruaudit Bertauliah.

3.2 'Integrity Pact'

- 3.2.1 Penyebut Harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di Lampiran di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.

- 3.2.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.
- 3.2.3 Penyebut Harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di Lampiran beserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerajaan mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

3.3 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- 3.3.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga JKR (P). SPG. BIL. 42/2026 serta tajuk Sebut Harga. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- 3.3.2 Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut secara pos berdaftar supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:

PEJABAT JURUTERA DAERAH,
JKR DAERAH SEPANG, KOMPLEKS KERAJAAN,
BANDAR BARU SALAK TINGGI,
43900 SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

- 3.3.3 Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, atas sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

3.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh menghubungi pejabat yang menjual Dokumen Sebut Harga untuk penjelasan lanjut.

4.0 TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh LIMA (5) minggu. Mana-mana penyebut harga yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh siap kerja yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

6.0 TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah laku Sebut Harga. Laporan mengenai penarikan balik Sebut Harga oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB/BPKU untuk tindakan.

7.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.4 Mana-mana Kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

8.0 KEPERLUAN SIJIL "COMPETENCE" PENYELIAAN (PROJEK JALAN)

- 8.1 Bagi Sebutharga G2 dan G3, kontraktor yang telah dilantik perlu mengemukakan nama kakitangan Penyelia Tapak yang diwajibkan memiliki Sijil "Competence" bagi kerja-kerja turapan jalan yang diiktiraf oleh mana-mana badan yang bertanggungjawab mengeluarkannya atau yang hadir kursus turapan jalan yang dianjurkan oleh JKR Selangor (Sijil Kehadiran perlu disertai).
- 8.2 Nama dan Sijil kakitangan tersebut perlu dikemukakan kepada wakil JKR sebelum kerja-kerja di tapak bermula.
- 8.3 Kontraktor perlu menawarkan kadar kos yang munasabah bersesuaian dengan kelulusan dan pengalaman untuk kakitangan penyeliaan tapak yang memiliki sijil tersebut di dalam Ringkasan Sebutharga.
- 8.4 Sekiranya kontraktor gagal menempatkan Penyelia Tapak yang memiliki Sijil "Competence" semasa kerja-kerja turapan jalan dilaksanakan, Pegawai Penguasa (SO) berhak memberhentikan kerja kontraktor dan melantik pihak ketiga untuk melaksanakan kerja dan kos akan dibayar oleh kontraktor asal.

9.0 HARGA INDIKATIF JABATAN

- 9.1 Harga Indikatif Jabatan bagi Sebutharga ini adalah Ringgit Malaysia : EMPAT RATUS ENAM PULUH LIMA RIBU TIGA RATUS LIMA PULUH SAHAJA (RM 465,350.00).
- 9.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

9.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Kerajaan.

10.0 BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (BO) DAN SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA (SA)

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

11.0 SIJIL PEMATUHAN CUKAI (Tax Compliance Certificate - TCC)

Penyebut Harga WAJIB mengemukakan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC) yang merupakan sijil akuan status pematuhan pembayar cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) berstatus 'Patuh' bersama-sama Dokumen Sebut Harga semasa mengemukakan tawaran. TCC adalah DOKUMEN WAJIB kelayakan asas sebut harga. Penyebut Harga yang tidak mengemukakan TCC atau mengemukakan TCC berstatus 'Tidak Patuh' / TCC yang tidak sah, akan dinilai sebagai 'Gagal' mengemukakan dokumen wajib dan tidak layak dinilai untuk peringkat seterusnya.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA / PETENDER / KONTRAKTOR PRA-KELAYAKAN

PENGEMUKAAN PENGISTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL DAN SURAT AKAUN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

1. Pekeliling perbendaharaan /perolehan Kerajaan 1.6 telah dikemaskini selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].

1.1 Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701]

- 1.1.1 Akta A1701 yang diwartakan pada 2 Februari 2024 telah mewajibkan setiap syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Untuk mengisytiharkan Pemunya Benefisial (*Beneficial Owners* - BO) bagi memerangi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelak cukai perniagaan di Malaysia.
- 1.1.2 Tafsiran dan kriteria BO boleh dirujuk kepada *Guideline For The Reporting Framework For Beneficial Ownership Of Legal Persons* yang boleh dimuat turun dari laman sesawang SSM iaitu www.ssm.com.my.
- 1.1.3 Penyebut Harga / ~~Petender~~* **hendaklah** melaksanakan pengistiharan BO dengan mengemukakan Borang Pengistiharan BO seperti di **Lampiran A** untuk menyertai perolehan Kerajaan yang bernilai **melebihi RM 50 ribu**.
- 1.1.4 Penyebut Harga / ~~Petender~~* hendaklah memastikan BO diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan atau dimuat naik bersama dokumen tawaran sebut harga / ~~tender~~* secara manual atau secara dalam talian sepertimana yang telah ditetapkan.
- 1.1.5 Kegagalan penyebut harga / ~~petender~~* untuk mengemukakan BO akan menyebabkan sebut harga / ~~tender~~* yang disertai ditolak

1.2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]

- 1.2.1 Selaras dengan Akta 670 satu akaun atau pengisytiharan oleh penyebut Harga / ~~petender~~* perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedy.
- 1.2.2 Penyebut Harga / ~~Petender~~* yang menyertai perolehan kerajaan adalah diwajibkan untuk menandatangani Surat Akaun Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa (SA) seperti **Lampiran B**
- 1.2.3 Penyebut Harga / ~~Petender~~* hendaklah memastikan SA diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan atau dimuat naik bersama dokumen tawaran sebut harga / ~~tender~~* secara manual atau secara dalam talian sepertimana yang telah ditetapkan.
- 1.2.4 Kegagalan penyebut harga / ~~petender~~* untuk mengemukakan SA akan menyebabkan sebut harga / ~~tender~~ yang di sertai ditolak.

2. Bagi sebut harga / ~~tender~~* yang disertai oleh beberapa syarikat yang berdaftar dengan SSM secara usahasama, kesemua syarikat hendaklah mengemukakan BO dan SA semasa mengemukakan tawaran.
3. Bagi tender yang akan diserahkan melalui Sistem JKT E-Tender, petender perlu memuat naik BO dan SA di dalam Tindakan Kehendak-kehendak Kontrak.

Nota:*Potong mana yang tidak berkaitan

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1.0 PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut Harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2.0 RINGKASAN SEBUT HARGA

- 2.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 2.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, levi, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan Kerja dengan sepenuhnya.
- 2.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh dan Sebut Harga atau dalam tempoh Kerja.
- 2.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga (jika perlu) hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 2.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 2.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan perkiraan dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaraskan dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

3.0 BON PELAKSANAAN

- 3.1 Bon Pelaksanaan hanya dikenakan bagi kontrak kerja yang **melebihi RM200,000.00** mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Sebelum sesuatu kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000 dimulakan, Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak **lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak**.
- 3.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful. Sekiranya Kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank atau Insurans, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai pengurusan tender yang berkuat kuasa.
- 3.3 Pengesahan berkenaan kesahihan Jaminan Bon Pelaksanaan dengan pihak bank/ Syarikat Insurans berkaitan kaedah WJP hendaklah sepertimana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan yang berkuat kuasa.
- 3.4 Sekiranya Penyebut Harga memilih Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) sebagai kaedah Bon Pelaksanaan, amaunnya adalah berdasarkan **5% daripada Harga Kontrak**.
- 3.5 Potongan WJP dalam setiap bayaran interim adalah 10% daripada Bayaran Disyorkan sehingga mencapai 5% daripada Harga Kontrak.

- 3.6 Bagi tujuan pelepasan, Perakuan Pelepasan Wang Jaminan Pelaksanaan ini menunjukkan jumlah WJP yang perlu dibayar/dipulangkan kepada Kontraktor yang ada pada jumlah WJP tersebut.

4.0 INSURANS DAN PERKESO

- 4.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Kerja dan Insurans Liabiliti Tanggungan Awam. Insurans Contractors All Risk (CAR) boleh diterima sebagai ganti kepada Insurans Tanggungan Awam dan Insurans Kerja dengan syarat menepati kehendak-kehendak yang sama. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

4.2 Polisi Insurans

- 4.2.1 Polisi Insurans Kerja – nilai jumlah Harga Kontrak sepenuhnya dan meliputi tempoh pelaksanaan Kerja ini.
- 4.2.2 Polisi Insurans Liabiliti Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) – nilai minimum kadar liputan¹ bagi setiap kemalangan bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk tempoh tanggungan kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari.

4.3 Pengiraan Kadar Liputan¹

- 4.3.1 Nilai pengiraan kadar liputan adalah berasaskan nilai Sebut Harga.
- 4.3.2 Panduan bagi liputan minimum bagi Insurans Liabiliti Awam yang perlu diinsuranskan berdasarkan nilai Sebut Harga bagi kerja yang mempunyai risiko yang dianggap biasa adalah seperti berikut:

Had Nilai Perolehan (RM)	Liputan Minimum Bagi Setiap Kemalangan Untuk Bilangan Kemalangan Yang Tidak Terbatas (RM)
Tidak Melebihi 50,000	10,000
50,001 hingga 100,000	25,000
100,001 hingga 200,000	50,000
200,001 hingga 500,000	100,000
500,001 hingga 3.0 Juta	200,000

- 4.3.3 Bagi kerja yang mempunyai risiko yang luarbiasa seperti risiko pada bangunan sedia ada bersebelahan, liputan insurans di atas wajar digandakan.
- 4.4 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden/Pegawai Penguasa semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden/Pegawai Penguasa berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 12.1.4.

5.0 BAYARAN PENDAHULUAN

- 5.1 Kontraktor boleh memohon Bayaran Pendahuluan sebanyak 25% daripada **nilai kerja pembina (builder's work)** atau maksimum RM100,000 yang mana lebih rendah jika memenuhi kesemua syarat berikut:
- 5.1.1 Kerja yang dilaksanakan bernilai melebihi RM200,000 sehingga RM1.0 juta.
 - 5.1.2 Tempoh siap kerja tidak kurang dari 3 bulan.
 - 5.1.3 Permohonan daripada Kontraktor diterima dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Inden Kerja/SST dikeluarkan.
 - 5.1.4 Polisi Insurans telah dikemukakan oleh Kontraktor.
 - 5.1.5 Satu jaminan kepada Bayaran Pendahuluan dikemukakan oleh Kontraktor sama ada dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Syarikat Kewangan atau Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful. Nilai jaminan hendaklah sama dengan nilai Bayaran Pendahuluan yang dimohon.
 - 5.1.6 Bayaran balik pendahuluan akan dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja yang telah disempurnakan dan diselesaikan selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%.
 - 5.1.7 Liabiliti di bawah Jaminan Bayaran Pendahuluan akan tamat apabila Kerajaan mengutip semula jumlah penuh pendahuluan yang telah dibayar. Walau bagaimanapun, jika jumlah penuh pendahuluan yang telah dibayar tidak boleh dicapai sebelum tarikh siap kontrak atau apa-apa pelanjutan yang diberi atau sebelum tarikh penamatan dalam kes kontrak yang ditamatkan, maka baki pendahuluan yang perlu dibayar kepada Kerajaan hendaklah dituntut daripada Jaminan Bayaran Pendahuluan.

6.0 PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

- 6.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir Kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini serta arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 6.2 Kerja-kerja mekanikal dan elektrik yang dilaksanakan di samping mematuhi kehendak di perenggan 5.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh Suruhanjaya/Jabatan/Pihak Berkuasa antara lainnya seperti berikut:
- 6.2.1 Suruhanjaya Tenaga
 - 6.2.2 Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan (JKKP)
 - 6.2.3 Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - 6.2.4 Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - 6.2.5 Pihak Berkuasa Tempatan
 - 6.2.6 Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN)

7.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja boleh dibatalkan oleh Pegawai Inden/Pegawai Penguasa dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

8.0 SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden/Pegawai Penguasa.

9.0 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN/PEGAWAI PENGUSAHA

9.1 Pegawai Inden/Pegawai Penguasa atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dan jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam Spesifikasi, Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

9.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

9.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam Spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden/Pegawai Penguasa secara bertulis.

10.0 PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

10.1 Borang Perjanjian Inden Kerja/Surat Setuju Terima (bagi Sebut Harga Kerja), Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor dan Dokumen Sebut Harga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Kontrak ini.

10.2 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

10.3 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden/Pegawai Penguasa untuk mendapatkan keputusan.

11.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

11.1 Pegawai Inden/Pegawai Penguasa berhak membatalkan Inden Kerja/ Menamatkan Kerja Kontraktor sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden/Pegawai Penguasa:

11.1.1 Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;

11.1.2 Kemajuan Kerja terlalu lembab di mana Kontraktor didapati gagal menjalankan kerja dengan tekun dan teratur tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

11.1.3 Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

11.1.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah;

- 11.2 Pegawai Inden/Pegawai Penguasa berhak membatalkan Inden/ Menamatkan Kerja Kontraktor sekiranya Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah
- 11.3 Walau apa pun di atas, sekiranya Kontrak ini ditamatkan di bawah perenggan 11.1 dan 11.2, Bon Pelaksanaan/WJP akan dirampas sepenuhnya.

12.0 SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Pegawai Inden/Pegawai Penguasa dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan tanpa perlu menunggu semua kerja siap sepenuhnya.

13.0 PERUBAHAN KERJA, PENGUKURAN SEMULA KUANTITI SEMENTARA DAN PELANJUTAN MASA UNTUK KONTRAK KERJA

- 13.1 Pegawai Inden/Pegawai Penguasa berhak membatalkan Inden Kerja/ Menamatkan Kerja Kontraktor sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden/Pegawai Penguasa:
- 13.2 Sebarang kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden/Pegawai Penguasa akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden/Pegawai Penguasa dan Kontraktor hendaklah digunakan.
- 13.3 Sebut Harga atau item kerja Sebut Harga berasaskan kuantiti sementara hendaklah dibuat pengukuran semula. Setelah kerja-kerja yang melibatkan Kuantiti Sementara disiapkan di tapak, pengukuran semula kuantiti hendaklah dibuat secara bersama.

14.0 KENAAN LIQUIDATED & ASCERTAINED DAMAGES (LAD)

- 14.1 Sekiranya lewat menyiapkan kerja mengikut jadual yang ditetapkan maka LAD akan dikenakan.
- 14.2 Penetapan bagi kadar kenaan LAD yang dikenakan (yang mana lebih tinggi):
 - 14.2.1 Formula: $\text{BLR terkini} / 365 \text{ hari} \times 100\% \times \text{Jumlah Harga Sebut Harga}$
 - 14.2.1 Minima RM100/kadar sehari

15.0 KENAAN LIQUIDATED & ASCERTAINED DAMAGES (LAD)

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan sejajar dengan syarat-syarat dalam Dokumen Sebut Harga. Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula daripada tarikh siap kerja.

16.0 TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

- 16.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Sebut Harga hendaklah sekurang-kurangnya **enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap**. Bagi kerja-kerja **mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas peralatan dan sistem adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja**, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

- 16.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Sebut Harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
